

Gagal cari punca sebabkan siri keganasan terus berlaku

UM 15 OCT 2002

KUALA LUMPUR 14 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad percaya siri keganasan termasuk letupan bom yang mengorbankan 187 orang di Bali semalam akan berterusan jika dunia tidak bertindak menangani punca yang mendorong perbuatan tersebut.

Menurut Perdana Menteri, beliau sebelum ini mengesyaki bahawa kejadian malang seperti insiden di Bali itu boleh berlaku di mana-mana tempat di dunia.

"Ini disebabkan tahap kebencian, kepahitan dan kekecewaan orang ramai lebih mendalam berbanding perasaan sebaik sahaja selepas serangan 11 September 2001.

"Saya dapati perasaan marah amat meluas sekarang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau mengulas kejadian letupan bom berkuasa besar yang mengorbankan 187 orang kebanyakannya pelancong asing dari Australia dipercayai angkara pengganas di kelab malam penuh sesak di Kuta, Bali semalam.

Kebanyakan mayat ditemui dalam keadaan rentung dan terpisah anggota badan menyebabkan kesukaran untuk mengenal pasti identiti mereka.

Menurut Dr. Mahathir lagi, sehingga kini pun tiada usaha dilakukan untuk menangani punca yang menyebabkan seseorang itu marah sehingga sanggup meletupkan diri sendiri.

Katanya, yang kelihatan sekarang ialah lebih banyak tindakan yang tidak berasaskan sebab dan logik dilakukan pihak tertentu yang meningkatkan kemarahan orang ramai.

Tegasnya: "Kita berpendapat ini bukan cara terbaik untuk melawan keganasan kerana ia bukan dirancang bagi mencapai kejayaan mutlak, sebaliknya lebih kepada usaha untuk membalas dendam."

Mengulas langkah yang perlu diambil setiap kerajaan bagi memastikan rakyat mereka terselamat daripada keganasan, Dr. Mahathir berkata, kerajaan terbabit tidak dapat memberi jaminan untuk melindungi semua orang daripada angkara pengganas moden.

"Anda boleh memperkenalkan pelbagai langkah keselamatan te-

tapi orang ramai akan terus merasa tidak selamat kerana tiada langkah keselamatan yang seratus peratus akan berjaya.

"Satu hari kita mungkin terperangkap di tempat pengganas melancarkan serangan dan yang akan menjadi mangsa bukan sahaja pelancong orang Eropah dan bukan Islam, malah orang Islam juga," katanya.

Tambah Dr. Mahathir, Malaysia akan melaksanakan langkah baru bagi meningkatkan tahap keselamatan dan ia akan dibuat berasaskan penilaian terhadap situasi semasa.

Katanya, kerajaan telah mengambil langkah-langkah perlu termasuk penahanan orang tertentu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Sesetengah orang berpendapat tindakan ini tidak demokratik sebaliknya perlu tunggu sehingga 187 orang menjadi mangsa letupan barulah kita boleh menahan pengganas terbabit.

"Amat malang kepada mereka yang menjadi mangsa letupan tersebut," katanya.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, Malaysia bagaima-

napun tidak bercadang mengikut langkah Amerika Syarikat (AS) mengadakan pemeriksaan terlampau ketat di lapangan terbang.

Ini termasuk memaksa penumpang membuka kasut kerana itu tidak praktikal memandangkan Malaysia menerima kemasukan 12 juta pelancong setiap tahun.

Tegas Perdana Menteri, kegiatan pengganas akan memberi kesan kepada kemasukan pelaburan asing di Malaysia kerana pelabur berasa tidak selamat.

"Kita mungkin tidak akan menerima kemasukan pelabur asing tetapi dari segi pelaburan tempatan saya rasa ia akan berterusan kerana rakyat Malaysia masih merasa selamat," ujarnya.

Ditanya sama ada Malaysia berpuas hati dengan langkah mencegah keganasan yang dilaksanakan Indonesia, Dr. Mahathir berkata:

"Kami tidak berhak untuk menyatakan rasa gembira atau sebaliknya. Mereka (kerajaan Indonesia) lebih tahu apa yang perlu dibuat."